

# amaze Pendidikan Seksualiti Pelan Pengajaran

SEXTING  
DAN PERSETUJUAN

amaze

Advocates  
for Youth  
Rights. Respect. Responsibility.

unesco



# MENGENAI PEMBELAJARANINI...



Pelan pembelajaran ini adalah salah satu daripada 9 pelan pembelajaran individu yang disediakan secara berskrip untuk menyokong pelaksanaan Pendidikan Seksualiti Komprehensif (CSE) sama ada dalam atau luar sekolah di Asia Tenggara. Pelan pembelajaran berskrip ini direka untuk mengintegrasikan penggunaan video pendidikan AMAZE yang membincangkan topik dalam pelan pembelajaran dan boleh digunakan untuk melengkapkan pelan pembelajaran atau sumber sedia ada yang mungkin sudah anda gunakan dalam pelaksanaan CSE.

Pada asasnya, pembelajaran mengenai mana-mana topik CSE tertentu harus memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan, mengaplikasikan, dan mempraktikkan pembelajaran dalam bidang pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dalam pelan pembelajaran ini, kami hanya menyenaraikan beberapa hasil pembelajaran utama sebagai contoh. Kami mengambil kira bahawa satu pelajaran sahaja selalunya tidak mencukupi untuk mencapai penguasaan sepenuhnya terhadap mana-mana hasil pembelajaran atau merangkumi lebih daripada satu bidang pelajaran secara menyeluruh. Pendidik digalakkan untuk menjadualkan dan melaksanakan pembelajaran susulan yang memperkuuh hasil pembelajaran topik CSE. Pendidik juga digalakkan untuk memanfaatkan peluang lain sama ada di dalam atau di luar bilik darjah yang membolehkan pelajar merenung sikap, mempraktikkan kemahiran dan memperkuuh pembelajaran.



(CC BY-SA 4.0)

© 2023, Amaze (I) LLC.  
Some Rights Reserved

amaze

# SEXTING DAN PERSETUJUAN

## amaze Pendidikan Seksualiti Rancangan Pengajaran



### Panduan Teknikal Antarabangsa mengenai Penyelarasan Pendidikan Seksualiti

**Konsep Utama 4:** Keganasan dan Keselamatan Diri

- Topik 4.3: Penggunaan Maklumat dan Teknologi Komunikasi Yang Selamat (ICT), umur 12-15

### Pengetahuan Sedia Ada Murid

Pelajar telah mempelajari tentang persetujuan dan implikasinya untuk keputusan berkaitan seksual serta kepentingan hak privasi dan kepekaan terhadap apa yang dikongsikan di media sosial.

### Sasaran Umur

Darjah 4-Tingkatan 2 (Anggaran umur 10-14)

### Masa

45 minit

### PERSEDIAN GURU:

- Akses dan pratonton video AMAZE Sexting: Apa Yang Anda Perlu Buat? untuk membiasakan diri dengan kandungannya dan pastikan anda bersedia untuk menayangkannya di bilik darjah.
- Melakukan ujian dengan memainkan video agar video tersedia untuk ditonton semasa pembelajaran, sama ada telah dijajarkan dari awal (untuk mengelakkan iklan) di Youtube, dari **senarai main AMAZE**, atau versi yang dimuat turun. Gunakan fungsi **Youtube Playback Speed** untuk selaraskan kelajuan video sesuai dengan pelajar anda.
- Membuat salinan Lembaran Kerja Pelajar: Apa Yang Terjadi Sekarang? Senario Sexting - satu salinan untuk setiap kumpulan yang terdiri daripada 3 orang.
- Selidik undang-undang asas wilayah/negara anda tentang bahan seksual eksplisit supaya dapat berkongsi maklumat ini dengan pelajar.

### BAHAN-BAHAN YANG DIPERLUKAN:

- Lembaran Kerja Pelajar: Apa Yang Terjadi Sekarang? Senario Sexting
- Komputer dengan capaian Internet dan pembesar suara
- Projektor LCD dan skrin
- Pautan video: <https://rb.gy/ltrt3>
- Kapur dan papan hitam



### OBJEKTIF PEMBELAJARAN:

Di akhir pengajaran ini, pelajar dapat:

1. Memberi takrifan **sexting**. (Pengetahuan)
2. Tekankan kepentingan persetujuan dalam konteks **sexting**. (Sikap)
3. Menunjukkan cara memberi dan mendapat persetujuan. (Kemahiran)

# SEXTING DAN PERSETUJUAN

**amaze** Pendidikan Seksualiti  
Rancangan Pengajaran

## LANGKAH-LANGKAH:

### Langkah 1

Perkenalkan pelajaran dengan berkata, "Kita hidup dalam zaman yang memberi lebih banyak akses kepada teknologi dan penggunaan telefon pintar, di mana orang sentiasa menggunakan telefon untuk berkomunikasi. Salah satu bentuk komunikasi yang mungkin pernah anda dengar atau temui ialah sexting. Hari ini kita akan belajar tentang apa itu sexting, mengapa persetujuan penting dalam sexting dan bagaimana untuk memberi serta mendapatkan persetujuan."

Seterusnya, katakan, "Sexting ialah tindakan atau amalan menghantar gambar atau mesej yang bersifat seksual melalui telefon mudah alih." Tulis definisi ini di papan hitam selepas berkongsi dengan kelas.

Katakan, "Untuk berbincang lebih lanjut tentang apa itu sexting dan perkara yang perlu difikirkan, kita akan menonton video pendek."

Kemudian, tayangkan kepada pelajar video AMAZE selama  $2\frac{1}{2}$  minit bertajuk "Sexting: Apa Perlu Buat?"



<https://rb.gy/ltrt3>  
(5 minit)

### Langkah 2

Selepas tayangan video, minta pelajar duduk secara berpasangan dan beri 6 minit untuk mereka berbincang tentang video tersebut antara satu sama lain dengan menjawab soalan-soalan di bawah. Kemudian, anda juga meminta pelajar untuk berkongsi beberapa ringkasan utama daripada perbincangan itu.

- Apakah perasan anda selepas menonton video tersebut? Apa pendapat anda mengenai video itu?
- Siapa yang memulakan hantaran seks? Adakah perkara ini boleh berlaku sebaliknya?
- Apakah pengajaran utama yang dapat diambil daripada video itu?

Selepas 6 minit, tanyakan jika pelajar ingin berkongsi beberapa ringkasan utama daripada perbincangan mereka. Jika perlu, ajukan soalan untuk mendapatkan jawapan.

Ringkaskan pemerhatian utama yang dibuat oleh pelajar dan jika tidak dinyatakan, tekankan bahawa remaja mempunyai hak untuk berkongsi dan akses maklumat dan membina persahabatan dan mempunyai keinginan hubungan seksual. Hal ini merupakan sebahagian yang sihat dalam proses membesar. Pada masa kini dan teknologi moden, terdapat beberapa cara lain yang lebih elok untuk memberitahu anda menyukai seseorang selain meminta atau berkongsi gambar bogel mereka. Anda boleh mengeksperi perasaan melalui cara yang lebih menghormati dan tidak membuat seseorang rasa bersalah dan tidak meletakkan diri anda dalam risiko yang menyalahi undang-undang.

(15 minit)

# SEXTING DAN PERSETUJUAN

**amaze** Pendidikan Seksualiti  
Rancangan Pengajaran

## Langkah 3

Seterusnya, jelaskan bahawa berkongsi maklumat peribadi, terutamanya sesuatu yang sangat peribadi seperti gambar bogel boleh menjadi rumit apabila melibatkan persetujuan. Tanyakan kepada pelajar jika mereka ingat apa maksud persetujuan dan minta suka relawan berkongsi idea mereka. Kemudian, beri peringatan kepada mereka yang persetujuan seksual adalah apabila kedua-dua pihak secara aktif bersedia untuk terlibat dalam tingkah laku seksual tertentu (seperti berkongsi gambar seksual) dan menyatakan persetujuan mereka dengan mengatakan, "Ya, itu OK bagi saya." Tanyakan kepada pelajar, "Walaupun seseorang bersetuju untuk berkongsi gambar mereka, adakah itu bermakna mereka juga bersetuju agar gambar tersebut dikongsi dengan orang lain?" Tegaskan bahawa hal ini tidak bermakna persetujuan telah diberikan walaupun teknologi menjadikannya sangat mudah untuk berkongsi gambar dengan hanya menekan satu butang.

Susun pelajar dalam kumpulan terdiri daripada 3 orang dan agihkan satu daripada tiga senario daripada Lembaran Kerja Pelajar: Apa Yang Terjadi Sekarang? Senario Sexting, kepada setiap kumpulan. Bahagikan senario-senario tersebut supaya separuh daripada kumpulan mendapat Senario 1 atau 2 dan selainnya mendapat Senario 3. Minta pelajar untuk mengkaji senario-senario yang diberikan dan tentukan sama ada persetujuan wujud dalam interaksi tersebut.


**Nota Kepada Guru:** Senario boleh diadaptasi untuk merenung orientasi seksual yang berlainan dan bahasa boleh diubah untuk menjadi neutral gender seperti "orang itu" atau "dia".

Selepas 5 minit perbincangan kumpulan kecil, beritahu pelajar bahawa anda kini akan membincangkan senario-senario tersebut bersama-sama. Bermula dengan kumpulan yang membaca Senario 1, minta setiap kumpulan berkongsi satu perkara penting daripada senario tersebut dengan syarat tidak mengulang idea utama yang telah dikongsi oleh kumpulan sebelumnya. Seterusnya, minta kumpulan yang membaca Senario 2 dan kemudian Senario 3 untuk melakukan perkara yang sama. Setelah semua kumpulan berkongsi poin utama mereka, rumuskan dengan berkongsi perkara utama berikut:

- Ganda, An, Joe, Nini, Mao dan Chau mempunyai hak untuk berkongsi dan mengakses maklumat dan membina persahabatan serta menjalankan hubungan seksual adalah sebahagian daripada proses membesar.
- Memberi persetujuan atau mengetahui persetujuan telah diberikan dalam komunikasi di atas talian adalah sukar.
- Dalam Senario 1 dan 2, persetujuan sebenarnya tidak diberikan oleh Ganda-An atau Joe-Nini untuk berkongsi swafoto mereka dengan orang lain walaupun mereka telah berkongsi antara satu sama lain.

# SEXTING DAN PERSETUJUAN

**amaze** Pendidikan Seksualiti  
Rancangan Pengajaran



- Dalam Scenario 3, Chau tidak meminta persetujuan daripad Mao untuk berkongsi gambar bogelnya.
- Perbuatan mengambil, menghantar atau menyiaran gambar orang lain tanpa kebenaran/persetujuan mereka adalah tidak baik.
- Hantaran seks antara dua pihak boleh diklasifikasikan sebagai pornografi kanak-kanak adalah salah mengikut undang-undang tempatan.
- Jika mereka menghantar atau menyiaran swafoto untuk menyakiti atau memalukan sesama sendiri (selepas putus hubungan), tindakan itu dianggap sebagai "pronografi dendam" dan menyalahi undang-undang.

(20 minit)

## Langkah 4

Akhiri dengan menjelaskan bahawa sexting adalah tindakan menghantar gambar atau mesej bersifat seksual melalui telefon mudah alih dan bergantung kepada tempat tinggal anda, tindakan ini boleh dianggap sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang. Tegaskan bahawa golongan muda mempunyai hak untuk berkongsi dan mengakses maklumat serta terdapat cara lain untuk menunjukkan perasaan suka kepada seseorang. Tegaskan kepentingan persetujuan dalam mana-mana hubungan, termasuklah dalam talian dan bagaimana memberikan atau meminta persetujuan dengan jelas adalah kunci dalam sexting kerana memahami apa yang seseorang setuju atau tidak setuju boleh menjadi sukar.

(4 minit)

## Langkah 5

Jelaskan dan edarkan tugas kerja rumah bertajuk "Cara Mempraktikkan Memberi dan Mendapat Persetujuan." Beritahu pelajar bahawa sepanjang minggu hadapan, pelajar perlu memikirkan dan menerangkan di dalam lembaran kerja dua situasi di mana mereka memberikan kebenaran kepada seseorang untuk sesuatu dan dua situasi di mana mereka meminta kebenaran daripada seseorang untuk melakukan sesuatu.

(1 minit)

## RINGKASAN UTAMA:

- Sexting ialah perbuatan atau amalan menghantar gambar atau mesej yang berunsur lucu atau seksual melalui telefon bimbit.
- Persetujuan boleh menjadi rumit dalam sexting kerana apa yang seseorang persetujui atau tidak setuju mungkin tidak jelas.
- Sexting boleh menjadi perbuatan yang menyalahi undang-undang dan oleh itu perkara ini penting untuk menyedari undang-undang yang berkaitan.

# SEXTING DAN PERSETUJUAN

**amaze** Pendidikan Seksualiti  
Rancangan Pengajaran



## PILIHAN PENILAIAN OBJEKTIF PEMBELAJARAN SETELAH TAMAT PELAJARAN:

Perhatikan sumbangan pelajar semasa perbincangan video dan keupayaan mereka menganalisis senario untuk menilai pemahaman mengenai sexting dan kepentingan persetujuan. Sebagai alternatif, slip keluar boleh digunakan di mana pelajar diminta untuk mengenal pasti takrifan sexting yang tepat, menilai kepentingan persetujuan dalam sexting dan menerangkan alasannya. Tugasan kerja rumah juga boleh digunakan untuk menilai kemahiran pelajar dalam memberikan dan mendapatkan persetujuan.

## TIPS PENYESUAIAN UNTUK PENGHANTARAN MAYA:

Dalam kaedah penghantaran secara maya, gunakan platform digital seperti Google Classroom atau Zoom. Untuk langkah kedua di mana pelajar perlu bekerja secara berpasangan, mereka boleh dipasangkan secara maya. Begitu juga untuk kerja kumpulan dalam Langkah 3, pelajar boleh dibahagikan kepada kumpulan maya yang terdiri daripada tiga orang dan diberikan senario mereka lebih awal. Sebarang nota atau catatan boleh ditulis pada papan hitam maya.

## KERJA RUMAH (jika ada)

Agihkan, jelaskan dan beri tugasan kerja rumah yang bertajuk Cara Mempraktikkan Memberi dan Mendapat Persetujuan.

## Memberi dan Mendapat Persetujuan

Nama: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_



**Arahan:** Sepanjang minggu hadapan, tuliskan dua situasi di mana anda memberi persetujuan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu dan dua situasi lain di mana anda meminta persetujuan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara. Rakam jawapan untuk setiap situasi di bawah.

### Situasi 1:

---

---

---

Adakah anda memberi persetujuan? \_\_\_\_\_ Jika ya, apakah yang anda kata/buat?

---

---

---

Selain itu, apakah yang akan lakukannya secara berlainan? \_\_\_\_\_

---

---

---

### Situasi 2:

---

---

---

Adakah anda memberi persetujuan? \_\_\_\_\_ Jika ya, apakah yang anda kata/buat?

---

---

---

Selain itu, apakah yang akan lakukannya secara berlainan? \_\_\_\_\_

---

---

---

**Situasi 3:**

---

---

---

Adakah anda memberi persetujuan? \_\_\_\_\_ Jika ya, apakah yang anda kata/buat?

---

---

---

Selain itu, apakah yang akan lakukannya secara berlainan?

---

---

**Situasi 4:**

---

---

---

Adakah anda memberi persetujuan? \_\_\_\_\_ Jika ya, apakah yang anda kata/buat?

---

---

---

Selain itu, apakah yang akan lakukannya secara berlainan?

---

---

# Lembaran Kerja Pelajar:

Apa Yang Terjadi Sekarang? Senario Sexting

## Senario 1

An ialah seorang pelajar berusia 15 tahun dan Ganda berusia 17 tahun. Mereka sedang bercinta. Ganda meminta An untuk menghantar gambar bogelnya. Pada musim cuti sekolah, Ganda telah menghantar beberapa gambar bogelnya kepada An kerana mereka tidak dapat berjumpa dan walaupun mereka sering FaceTime, Ganda sering meminta An untuk menghantar gambar bogelnya untuk dilihat kerana terlalu merindukan An. Memandangkan Ganda telah menghantar terlalu banyak swafoto bogelnya kepada An, An membuat keputusan untuk memberi kejutan dengan gambar bogelnya. Apakah yang akan berlaku jika An menghantar gambarnya? Bolehkah An atau Ganda memberi persetujuan jika gambar bogel mereka dikongsikan kepada orang lain?



## Senario 2

Nini ialah seorang pelajar berusia 15 tahun dan Joe berusia 17 tahun. Mereka sedang bercinta. Nini meminta Joe untuk menghantar gambar bogelnya. Pada musim cuti sekolah, Nini telah menghantar beberapa gambar bogelnya kepada Joe kerana mereka tidak dapat berjumpa dan walaupun mereka sering FaceTime, Nini sering meminta Joe untuk menghantar gambar bogelnya untuk dilihat kerana terlalu merindukan Joe. Memandangkan Nini telah menghantar terlalu banyak swafoto bogelnya kepada Joe, Joe membuat keputusan untuk memberi kejutan dengan gambar bogelnya. Apakah yang akan berlaku jika Joe menghantar gambar bogelnya kepada Nini? Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap Nini jika gambar bogel Joe disebarluaskan kepada orang lain tanpa persetujuan Joe?



## Senario 3

Mao dan Chau telah berbual sejak sekian lama. Mereka bermula sebagai kawan, dan apabila hubungan semakin mendalam, Mao menghantar gambar bogel kepada Chau. Dalam keterujaannya, Chau menunjukkan gambar tersebut kepada beberapa rakan rapat kerana dia berpendapat Mao sangat menarik. Apakah yang boleh berlaku sekarang setelah Chau menunjukkan gambar itu kepada rakan-rakannya? Adakah Mao memberi persetujuan untuk gambar tersebut dikongsi?

